

Tengku Zafrul tolak dakwaan ekonomi negara gagal diurus

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menteri Kewangan, Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz menegaskan dakwaan sesetengah pihak bahawa ekonomi negara gagal adalah tidak berasas.

Beliau berkata, sejak pandemik COVID-19 melanda negara, Malaysia telah berjaya mengharungi pelbagai cabaran, terutama dari segi memastikan

pemulihan ekonomi, kesejahteraan hidup rakyat serta kelangsungan perniagaan yang terjejas.

Katanya, faktor luaran seperti ketegangan geopolitik di antara Amerika Syarikat (AS) dan China, peperangan yang berlarutan di Ukraine dan fenomena perubahan iklim juga telah mengganggu rantai bekalan yang meningkatkan harga komoditi dan makanan, lantas menyebabkan tekanan kepada

kadar inflasi dan sekuriti makanan di pelbagai negara di dunia, termasuk Malaysia.

Jelasnya, walaupun pelbagai aspek luaran sangat mencabar sejak awal 2022, dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan telah berjaya membantu ekonomi Malaysia pulih, terutama sektor yang terjejas teruk semasa pandemik seperti pelancongan, peruncitan dan penerbangan.

Petunjuk ekonomi negara memberangsangkan

Dari Muka 1

"Pelbagai petunjuk ekonomi menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan, termasuk pemulihan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang positif sebanyak 3.6 peratus bagi suku keempat 2021, 5.0 peratus pada suku pertama 2022 dan 8.9 peratus suku kedua 2022.

"Kadar pengangguran pula menurun selama 12 bulan berturut-turut sebanyak 3.7 peratus pada Julai 2022 berbanding 5.3 peratus pada Mei 2020. Pelaburan langsung asing (FDI) juga naik. Ini tidak menunjukkan ekonomi yang gagal. Ini adalah fakta dan angka tidak menipu," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Pembangunan dan Pembiayaan Perumahan Hijau Asia anjuran Cagamas Bhd, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas dakwaan yang mengatakan pengurusan ekonomi negara gagal, termasuk kenyataan Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini yang membidas secara terbuka kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Ismail Sabri Yaakob.

Bekas Perdana Menteri yang juga Presiden BERSATU itu mendakwa, kepemimpinan kerajaan hari ini tidak memandang semua



Tengku Zafrul (tiga dari kanan) menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian antara Pengarah Bahagian Institusi Kewangan Sektor Swasta Asian Development Bank, Christine Engstrom dengan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas Berhad, Datuk Chung Chee Leong di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Rohanis Shukri/BH)

isu membelenggu negara sekarang, termasuk inflasi, kekurangan tenaga kerja dan kemerosotan nilai ringgit sebagai sesuatu yang penting.

Justeru, Muhyiddin menyarankan Ismail Sabri membubarkan Parlimen bagi memberi laluan kepada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) jika gagal menguruskan ekonomi dan negara dengan baik.

Pada hari sama, Ismail Sabri berkata, jika pengurusan negara gagal seperti dakwaan Muhyiddin, ia bermakna semua yang diberi tanggungjawab mengurus negara adalah gagal, termasuk MPN.

Tanggungjawab bersama

Beliau berkata, usaha memastikan pentadbiran dan pengurusan negara serta ekonomi bukanlah digalas beliau secara individu, sebaliknya menjadi tanggungjawab bersama.

Mengulas lanjut, Tengku Zafrul berkata, prestasi positif ekonomi negara setakat ini turut disumbangkan oleh dasar fiskal yang mengembang melalui Bajet 2022 dan dasar monetari yang kekal akomodatif.

Beliau berkata, bagi 2022, KDNK Malaysia dijangka akan berkembang lebih baik, iaitu antara 5.3

peratus hingga 6.3 peratus.

Namun, Tengku Zafrul berkata, menuju ke depan, persekitaran luaran global semasa menjadi lebih tidak menentu.

Justeru, beliau berkata, suku keempat 2022 dan 2023 dijangka lebih mencabar kerana prospek ekonomi global bakal melembap, ekoran ketegangan geopolitik di antara AS dan China yang berterusan, peperangan di Ukraine yang masih tiada kesudahan, serta dasar sifar COVID-19 di China yang menjejaskan bekalan rantaian dunia.

Katanya, kerajaan akan terus mengutamakan agenda pembaha-

ruan struktur dalam Bajet 2023 bagi mengekalkan momentum pemulihan ekonomi pasca COVID-19, memastikan kesejahteraan rakyat dan memperkukuhkan daya tahan rakyat serta perniagaan terhadap sebarang kejutan pada masa depan, terutama cabaran ketidaktentuan geopolitik dan perubahan iklim yang serius dan berterusan.

"Sebagai sebuah ekonomi terbuka yang mana jumlah perdagangan melebihi 120 peratus daripada KDNK, kerajaan akan terus proaktif bagi mempersiapkan negara dalam menghadapi cabaran berkenaan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Tengku Zafrul berkata, kerajaan tidak bercadang untuk menambatkan ringgit memandangkan langkah itu mengundang risiko kepada ekonomi negara.

Beliau berkata, langkah berkenaan seandainya diambil akan memberi tekanan kepada kos pembiayaan yang lebih tinggi di negara ini memandangkan kadar faedah negara perlu mencerminkan dasar monetari negara mata wang yang ditambah.

"Jika ringgit ditambah dengan dolar AS, yang mana sekarang ini kadar faedahnya meningkat secara agresif, maka kadar faedah di Malaysia perlu meningkat sama dengan kadar yang tinggi," katanya.